

UMS tekad usaha jana pendapatan

► Selain menitikberatkan aspek penjimatan dalam pelan kewangan

UB 30.7.2013 #6

Oleh S.CONNIE PEARL SUIL

conypearl09@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tekad meneruskan usaha dalam menjana pendapatan selain menitikberatkan aspek penjimatan dalam pelan kewangannya.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata universiti pada masa kini perlu bersifat entrepreneurial dan tidak terlalu bergantung pada pihak kerajaan.

“Universiti harus menyediakan perancangan pelan kewangan dari tahun 2014 sehingga 2020 dan harus disediakan sebelum berakhir hujung tahun ini.

“Ini merupakan inisiatif kerajaan untuk menggalakkan setiap universiti supaya berbelanja mengikut perancangan yang telah dibentuk.

“Kerajaan tidak mahu universiti berbelanja di luar daripada apa yang telah diperuntukkan atas sebab sumber kewangan kerajaan yang semakin terhad dan

perbelanjaan untuk 20 institut pengajian tinggi awam (IPTA) semakin meningkat saban tahun,” katanya dalam ucapan rasmiannya sempena Wancana Ilmu ‘Penjanaan Pendapatan IPTA’, di sini kelmarin.

Justeru katanya, atas dasar itu penjanaan pendapatan menjadi satu agenda yang penting sepanjang kepimpinannya di UMS.

Beliau juga ingin melihat Dasar Penjanaan UMS yang telah diluluskan pada 13 Februari lalu oleh Lembaga Pengarah Universiti supaya terus diperkembangkan serta diperhalusi.

Harun berkata, hal itu bertujuan untuk memastikan pihak UMS dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam menjana pendapatan melalui peraturan serta garis panduan yang telah diberikan.

“Penjanaan pendapatan bukan sahaja hanya dari segi cara menjana duit tetapi juga turut menitikberatkan aspek penjimatan.

“Penjimatan dapat menyelamatkan duit universiti berjuta-juta ringgit daripada



HARUN (tengah) menyampaikan cenderahati kepada Nor Azazi.

terbaizir daripada kegunaan dan manfaat yang lebih penting.

“Selain itu, kos untuk perbelanjaan operasi dari tahun ke tahun dapat dikurangkan ataupun pada tahap yang sama walaupun berlakunya peningkatan kos,” katanya.

Dalam pada itu, UMS turut menjemput tetamu khas daripada Universiti Sains Malaysia (USM) Prof Dr Nor Azazi Zakaria untuk berkongsi pengalaman serta ilmu beliau dalam penjanaan pendapatan.

Turut hadir, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj

Mohd Said, Timbalan Naib Canselor hal ehwal pelajar dan alumni Prof Madya Datuk Dr Kasim hij md Mansur dan Bendahari UMS, Rizal Othman.